

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 1/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

## 1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Perintah Tetap ini adalah sebagai garis panduan untuk menubuhkan Jawatankuasa Rawatan Dan Pemulihan Dadah (JKPD) di peringkat Daerah.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Akta, Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) (Pindaan) 1998 memperuntukkan dua kaedah program ke atas penagih – penagih dadah yang ditangkap di bawah Akta berkenaan. Pertama ialah dengan memerintahkan penagih – penagih dadah menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) selama dua tahun dan selepas itu diikuti dengan program pengawasan dalam komuniti. Kaedah kedua ialah dengan meletakkan terus penagih – penagih dadah di bawah perintah pengawasan Pegawai (PDRM dan AADK) untuk mengikuti program – program pemulihan dan seliaan di dalam komuniti.
- 2.2 Sehingga hari ini, seramai lebih kurang 70,000 orang penagih/ bekas penagih dadah sedang menjalani Perintah Pengawasan untuk mengikuti program – program pemulihan / seliaan di dalam komuniti di seluruh Negara. Di bawah Akta Penagih Dadah 1983, kesemua penagih-penagih dadah yang berada di bawah Perintah Pengawasan tersebut adalah tertakluk kepada beberapa syarat termasuk mengikuti

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 2/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

program-program pemulihan yang dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Pemulihan AADK. Pihak PDRM turut dipertanggungjawabkan untuk mengawasi, memantau dan mengesan pergerakan serta tingkahlaku penagih-penagih berkenaan.

2.3 Menyedari hakikat bahawa usaha-usaha mengembalikan penagih/bekas penagih dadah ke pangkal jalan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan/ komitmen/ keprihatinan pelbagai pihak, maka pihak AADK telah memperkenalkan satu pendekatan bersepadu melalui penubuhan JKPD yang akan dianggotai agensi-agensi Kerajaan dan NGO's yang difikirkan relevan. Adalah dipercayai bahawa fungsi dan peranan beberapa agensi Kerajaan dan NGO's berkenaan secara langsung atau tidak dapat menyumbangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang bersifat '*supplement and complement*' kepada usaha-usaha yang telah/sedang/akan diambil oleh pihak AADK.

2.4 Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) dalam mesyuaratnya pada 19 September 2000 telah bersetuju dengan cadngan AADK untuk mewujudkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah Peringkat Daerah (JKPD) yang dianggotai oleh Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's).

### 3. KEANGGOTAAN JKPD

3.1 Pihak AADK telah mengenalpasti beberapa agensi kerajaan dan NGO's yang difikirkan dapat menyumbang ke arah usaha-usaha

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 3/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

pemulihan yang dikatakan berbentuk '*supplement and complement*' itu. Antaranya ialah :

- 3.1.1 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
  - 3.1.2 Kementerian Pendidikan Malaysia
  - 3.1.3 Jabatan Agama Islam Malaysia
  - 3.1.4 Kementerian Belia Dan Sukan (KBS);
  - 3.1.5 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
  - 3.1.6 IPTA/IPTS;
  - 3.1.7 RELA;
  - 3.1.8 Badan Bukan Kerajaan seperti PEMADAM, PENGASIH, Kelab ROTARI, Yayasan AIDS Malaysia, Kumpulan Narcotics Anonymous (NA) dan lain-lain NGO's berkaitan;
- 3.2 Di peringkat daerah pula, keanggotaan JKPD ini akan diperluaskan kepada lain – lain institusi sosial tempatan seperti berikut:
- 3.2.1 Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK);
  - 3.2.2 Institusi keagamaan/ masjid;
  - 3.2.3 Pergerakan/ Pertubuhan Politik;
  - 3.2.4 Ketua Kampung/ Penghulu;
  - 3.2.5 Pertubuhan – pertubuhan belia/ kaum/ agama;
  - 3.2.6 Rukun Tetangga;
  - 3.2.7 Syarikat Swasta;
  - 3.2.8 Pusat Pemulihan Dadah Persendirian; dan
  - 3.2.9 Lain – lain Organisasi yang relevan.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 4/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

3.3 Jawatan terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari adalah dilantik di kalangan ahli dan pemilihan dibuat oleh jawatankuasa pemilihan JKPD yang dipengerusikan oleh Pengarah AADK Negeri dan ahli itu adalah di kalangan ahli – ahli JKPD yang telah dilantik. Pengarah AADK Negeri akan menjadi penasihat kepada Jawatankuasa manakala Ketua Daerah sebagai Setiausaha.

3.4 Perlantikan JKPD akan ditauliahkan oleh Ketua Pengarah AADK.

3.5 Sekurang-kurangnya lima (5) biro harus dibentuk bertujuan memastikan setiap aktiviti pemulihan dapat dijalankan dengan lancar oleh Jawatankuasa ini iaitu :-

3.5.1 Biro Kebajikan;

3.5.2 Biro Ekonomi;

3.5.3 Biro Program Kepulihan;

3.5.4 Biro Agama; dan

3.5.5 Biro Pendidikan dan Latihan

3.6 Namun begitu Jawatankuasa boleh mewujudkan lain-lain biro / jawatankuasa yang difikirkan sesuai bagi memantapkan lagi tugas dan peranan masing – masing.

3.7 Bilangan keanggotaan Jawatankuasa ini adalah di antara 15 ke 20 orang merangkumi:

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 5/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

- 3.7.1 Pengerusi;
- 3.7.2 Timbalan Pengerusi;
- 3.7.3 Setiausaha;
- 3.7.4 Penolong Setiausaha;
- 3.7.5 Bendahari;
- 3.7.6 Penolong Bendahari;
- 3.7.7 AJK Biro Pendidikan dan Latihan;
- 3.7.8 AJK Biro Kebajikan;
- 3.7.9 AJK Biro Ekonomi;
- 3.7.10 AJK Biro Agama;
- 3.7.11 AJK Biro Program Kepulihan;
- 3.7.12 AJK Biro Sosial, Sukan dan Rekreasi;
- 3.7.13 AJK Biro Keselamatan;
- 3.7.14 AJK Biro Penerangan; dan
- 3.7.15 Penyimpan Kira-Kira.

3.8 Tempoh keanggotaan jawatankuasa adalah selama 3 tahun.

3.9 Terma pelucutan perlantikan jawatankuasa:

3.9.1 Jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau Ahli Jawatankuasa boleh dilucutkan sekiranya mendapat persetujuan dua pertiga (2/3) ahli JKPD Daerah;

3.9.2 Pengesahan pelucutan jawatan di para 3.9.1 hanya boleh disahkan oleh Ketua Pengarah AADK; dan

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 6/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

3.9.3 Sekiranya mana-mana jawatankuasa meletak jawatan, perkara tersebut hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Pengarah AADK Negeri. Jika melibatkan perletakan jawatan Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha, maka mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Pengarah AADK Negeri perlu diadakan untuk perlantikan yang baru dalam kalangan ahli.

#### 4. FUNGSI DAN PERANAN JKPD

4.1 Untuk melengkapkan usaha-usaha yang berbentuk '*supplement and complement*' kepada pelbagai program/aktiviti pemulihan penagih/bekas penagih dadah yang dikendalikan oleh pihak AADK, adalah diharapkan JKPD ini akan dapat menjalankan fungsi dan peranan seperti berikut :

4.1.1 Untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam membantu penagih dadah/bekas penagih supaya tidak kembali menagih khususnya dalam mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat;

4.1.2 Merancang, menyelaras dan melaksanakan program / aktiviti untuk bekas-bekas penagih;

4.1.3 Membantu pegawai – pegawai AADK Daerah dalam mengawasi, menyelia dan memberi bimbingan kepada penagih/bekas penagih dadah yang sedang menjalani Perintah Pengawasan dalam komuniti ; dan

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 7/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

4.1.4 Membantu mendapatkan peluang – peluang latihan dan pekerjaan bagi penagih/bekas penagih yang sedang menjalani Perintah Pengawasan dalam komuniti.

4.2 JKPD perlu mengadakan mesyuarat sekurang – kurangnya 3 kali setahun dan minit mesyuarat hendaklah disediakan dan direkodkan.

4.3 Dalam menjalankan fungsi dan peranan di atas, JKPD adalah tertakluk kepada apa-apa dasar, pendapat, nasihat dan panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah AADK selaras dengan fungsi dan peranan Jawatankuasa berkenaan.

#### **5. PROGRAM / AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH JKPD**

5.1 Sumbangan dan peranan yang boleh dimainkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan NGO's yang menganggotai jawatankuasa ini perlu diselaraskan supaya setiap aktiviti yang dijalankan itu tidak bertindih di antara satu sama lain. Panduan asas kepada JKPD dalam melaksanakan program/ aktiviti adalah seperti berikut:-

BIL	PROGRAM	PERKHIDMATAN	AGENSI KERAJAAN / NGO'S
1.	Bimbingan kepada penagih/ bekas penagih dadah.	Memberi bimbingan dan khidmat nasihat.	Jabatan Kebajikan Masyarakat; Ketua Kampung;

PDK-2019

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 8/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

			Persatuan Pekerja Sosial; Jawatankuasa Masjid; PEMADAM; PENGASIH; Kumpulan NA; dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian
2.	Mendapatkan peluang – peluang latihan dan pekerjaan untuk penagih/bekas penagih dadah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapat atau menawarkan peluang pekerjaan atau kemudahan latihan kepada penagih dadah yang menganggur</li> <li>ii. Membimbing penagih dadah menjalankan usaha / pekerjaan sendiri;</li> <li>iii. Mengendalikan sesi perbincangan mengenai etika kerja dan motivasi.</li> <li>iv.</li> </ul>	Jabatan Buruh; Jabatan Belia dan Sukan; Jabatan Pertanian;  Majikan Swasta; Kelab Rotary; dan  Ketua Kampung/ Penghulu

PDK-2019



TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 9/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

3.	<p>Penyertaan dalam aktiviti – aktiviti amal bakti, keagamaan, rekreasi, sosial, kebajikan dan kesihatan penagih / bekas penagih dadah.</p>	<p>i. Mendorong serta membimbing penagih dadah menyertai aktiviti amal bakti seperti gotong – royong</p> <p>ii. Membimbing penagih dadah menyertai aktiviti keagamaan yang diadakan di surau/</p> <p>iii. Menggalakkan serta mempelawa penagih dadah menjadi ahli persatuan yang terdapat di kawasan tempat tinggalnya</p> <p>iv. Membimbing penagih dadah menyertai aktiviti sukan, kebudayaan dan lain –lain; Menganjurkan lawatan sambil belajar ke kilang – kilang, firma –firma</p>	<p>Jabatan Belia; Jabatan Kebajikan Masyarakat; Kementerian Kesihatan;</p> <p>Institusi Masjid/Gereja; Pertubuhan – pertubuhan Belia/</p> <p>RELA ; Rukun Tetangga; JKKK; dan PDRM</p>
----	---	--	--

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 10/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

		dan lain – lain aktiviti yang berbentuk 'outreach' dan v. Hal – hal yang berkaitan dengan kebajikan dan keselamatan.	
--	--	---	--

## 6. GARIS PANDUAN PENGENDALIAN AKAUN JKPD

- 6.1 JKPD dibenarkan untuk mewujudkan akaun kewangan sendiri. Penubuhan akaun kewangan membolehkan jawatankuasa ini merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti –aktiviti mengikut kemampuan kewangan yang mereka ada.
- 6.2 Bagi memulakan operasi, JKPD diberi kebenaran untuk mengadakan aktiviti dan mendapatkan sumbangan kewangan untuk mengisi tabung kewangannya sendiri. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah AADK terlebih dahulu sebelum menjalankan program dan aktiviti yang berbentuk kutipan wang.
- 6.3 Bagi memudahkan penubuhan Akaun Kewangan Jawatankuasa ini, satu garis panduan mengenainya telah disediakan seperti di **Garis Panduan Pengendalian Akaun Jawatankuasa Rawatan dan**

PDK-2019

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 18/2019	M / S : 11/11
TAJUK : PENUBUHAN JAWATANKUASA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH PERINGKAT DAERAH (JKPD)	TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

**Pemulihan Dadah Peringkat Daerah (JKPD).**

6.4 Bagi mengelak berlaku penyelewangan dan salah guna kuasa, panduan mengurus akaun kewangan seperti di garis panduan tersebut hendaklah dipatuhi.

**7. TARIKH KUATKUASA**

7.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil. (F) 1/2005 (Pindaan 1/2019) hendaklah dilaksanakan mulai tarikh ianya ditandatangani.



**(DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH) CP**

Ketua Pengarah

Agensi Antidadah Kebangsaan

Kementerian Dalam Negeri

Bertarikh : 25/2/19